

Malaysia - Iran mahu pastikan kemakmuran, keadilan

Pulihkan imej Islam

Oleh
P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 18 Okt. — Malaysia dan Iran berikrar untuk memperbaiki imej Islam yang kini banyak dikaitkan dengan tindakan kumpulan pelampau agama dan keganasan, khususnya oleh media Barat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani berpendapat, sebagai pemimpin negara Islam, mereka harus berusaha memulihkan imej Islam sebagai agama yang memberi penekanan kepada keamanan, keadilan dan pembangunan.

Persetujuan bersama itu dibuat dalam pertemuan empat mata dan dalam perbincangan delegasi kedua-dua pemimpin tersebut di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua pemimpin berkenaan

an juga berpendapat. Malaysia dan Iran harus bergabung tenaga meningkatkan kerjasama bagi membuktikan mereka wajib membuat apa sahaja untuk menunjukkan bahawa kemakmuran dan keadilan boleh dicapai melalui Islam. [**Lagi berita dan gambar di muka 2 dan 4**]

“Kedua-dua pemimpin berikrar untuk berusaha mengambil langkah menjelaskan bahawa Islam bukanlah satu agama yang menggalakkan rusuhan dan kegiatan ekstrem. Kita benci semua ini. Imej Islam patut diubah. Islam bukan berimej buruk seperti digambarkan oleh media Barat,” kata beliau.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin negara Islam harus memastikan pentadbiran, pembangunan daripada ekonomi, sosial dan lain-lain dimajukan kerana terdapat anggapan, khususnya di kalangan media Barat bahawa sekiranya orang

■ **Lihat muka 2**

Islam memimpin, adalah sukar untuk sesuatu negara itu maju.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, Dr. Mahathir dan Rafsanjani berpendapat, pemimpin-pemimpin negara Islam harus bekerjasama dan bertukar-tukar pengalaman bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

“Dr. Mahathir turut menekankan bahawa negara-negara Islam harus mengelakkan daripada terlibat dalam kegiatan pelampau dan rusuhan,” kata beliau.

Presiden Iran itu kini berada di negara ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Pulihkan imej Islam

Beliau diiringi oleh isterinya, Effat Hashemi Bahrami dan delegasi sebanyak 100 orang termasuk tiga menteri kabinet, ahli perniagaan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Abdullah berkata, Rafsanjani juga bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri itu sambil menekankan bahawa kerjasama Malaysia dan Iran penting dalam perkara berkenaan.

Abdullah yang kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Iran, Dr. Ali Akbar Velayati berkata, perbincangan mereka tertumpu kepada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di

Maghribi pada Disember ini.

Menurut Abdullah, beliau dan Dr. Velayati berharap sidang kemuncak itu akan berjaya mengambil langkah-langkah yang mantap dalam menangani masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam.

“Semenjak sidang kemuncak lalu di Senegal, banyak perkara telah berlaku di dunia Islam seperti penderitaan, rusuhan dan kacauan sebagai contohnya di Afghanistan serta perjuangan rakyat Palestin,” ujarnya.

Katanya, beliau diberitahu oleh Menteri Luar Iran itu setakat ini Rafsanjani belum membuat keputusan

untuk menghadiri sidang kemuncak tersebut.

“Kami juga berpendapat bahawa jika kesemua pemimpin hadir pada sidang berkenaan ia akan memberi satu petanda positif ke arah kejayaannya,” kata beliau.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, adalah diharapkan bahawa OIC akan memainkan peranan proaktif untuk menyelesaikan masalah di kalangan negara-negara Islam.

“Mengapa kita perlu biar orang lain menyelesaikan masalah kerana ini masalah umat Islam. OIC harus mendahului dalam menjadi pengaman untuk menyelesaikan masalah anggotanya,” tambahnya.